

Mahathir mahu rakyat jangan hanya meminta2

(P) KUALA LUMPUR 21 April — Perdana Menteri hari ini meminta setiap rakyat negara ini melipatgandakan usaha masing-masing untuk mempertingkatkan daya pengeluaran, tapi pada masa yang sama tidak meminta-minta kepada kerajaan.

Sebaliknya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, setiap rakyat hendaklah sanggup berkorban memberi sumbangan kerana kejayaan tidak dapat memberikan lebih daripada apa yang ia mampu. "Kerjalah kuat-kuat, tingkatkan pengeluaran dan tuntutan sikit saja kerana kerajaan tidak ada apa-apa yang boleh diberi," katanya.

Beliau memberitahu demikian kepada para pemberita ketika diminta menghuraikan ucapannya ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Barangan Utama di sini hari ini.

Dalam ucapannya itu Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia selama ini kurang membuat pengorbanan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jepun dan sudah sampai masanya untuk mengambil tindakan tersebut.

Menurut Perdana Menteri, kenyataan beliau itu ditujukan kepada semua pihak dan tidak hanya kepada CUEPACS yang sedang menuntut pelarasan gaji.

"Kita memang tidak banyak membuat pengorbanan, tapi kita tidak ada pilihan lain. Sama ada kita cuba hidup mengikut kemampuan masing-masing ataupun kita akan menje-

jaki beberapa negara yang terpaksa meminta bantuan untuk terus hidup," katanya.

Perdana Menteri berkata, setiap orang harus berpuas hati dengan pendapatan yang diperolehi dan hidup dengan kemampuan yang ada itu.

"Kita mesti ada harga diri. Kita mesti hadapi kenyataan. Kita mesti bersedia untuk menghadapi masalah-masalah yang berpunca daripada kejatuhan harga barang-barang utama secara sistematik dan penuh keyakinan," ujarnya.

Matlamat

Mengenai Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang dilancarkan baru-baru ini, beliau berkata matlamatnya boleh menjadi kenyataan berdasarkan kepada perancangan yang dibuat.

"Kejatuhan secara mendadak harga-harga barangan utama mungkin menjelaskan pencapaian matlamat tersebut. Jika kita hanya berdiam diri dan bergantung kepada nasib atau mendesak kerajaan membuat sesuatu, akhirnya kita tidak akan mendapat apa-apa pun," tegas beliau.

"Setiap pihak hendaklah memikirkan cara-cara untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Kita mesti fikirkan apa yang kita perlu lakukan dan jangan hanya mengharap apa orang lain boleh buat untuk mengatasi masalah yang kita hadapi," katanya lagi.